

# Universiti mesti perketat tapisan ambil pelajar asing

UTUSAN  
MALAYSIA

10/9/2016

P-26

Oleh SITI NORHAWA MOHD. ALI

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 9 Sept.** - Setiap universiti awam dan swasta yang mengambil pelajar asing perlu membuat tapisan serta saringan latar belakang yang lebih ketat bagi menyekat fahaman kumpulan Daesh disebar dalam kumpulan-kumpulan kecil di institusi pendidikan dalam negara.

Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), **Prof. Datuk Seri Dr. Zaleha Kamarudin** berkata, selain media sosial, individu atau 'ejen' kumpulan tersebut yang 'menyelinap' dalam institusi pendidikan boleh menjadi punca utama penyebaran ideologi terpesong dalam kalangan pelajar.

Katanya, pihak UIAM menjalankan sistem tapisan yang ketat sebelum meluluskan pengambilan pelajar dari luar negara.

"Untuk memastikan perkara itu, kami mendapatkan sokongan daripada jaringan 32 chapter alumni di luar negara dan apabila telah masuk ke universiti, pengawasan rapi sentiasa dijalankan di asrama.

"Alhamdulillah setakat ini belum ada pelajar UIAM yang terlibat dengan kumpulan Daesh walaupun kami mempunyai ramai pelajar luar dan kami harap ini dapat dikekalkan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kes terbaharu berkaitan per-



**ZALEHA KAMARUDIN**



**AINI IDERIS**



**MOHD. AMIN**

kara ini adalah semalam apabila Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay mengesahkan dua pelajar universiti awam sanggup mengeluarkan kesemua duit simpanan dan menjual kereta dipercayai untuk pergi ke Iraq dan Syria bagi menyertai Daesh.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris** berkata, meskipun setakat ini tiada pelajar UPM terlibat dengan kumpulan tersebut, pihaknya sentiasa memantau dengan rapi dan teliti setiap pergerakan dan aktiviti yang dilakukan pelajar.

"Kumpulan Daesh merekrut pelanggan mereka khususnya pelajar dengan cara yang menarik dan tersendiri. Mereka tahu bagaimana untuk 'menjantik' hati pelajar untuk menyertai mereka.

"Kami menggunakan cara yang lebih kurang sama untuk menarik dan memastikan semua pelajar sedar akan tanggungjawab sebe-

nar mereka kepada diri mereka sendiri, ibu bapa dan keluarga mereka, rakan, masyarakat dan negara malah tidak mudah terpengaruh atau dipujuk oleh anasir jahat," katanya.

Dalam pada itu, Naib Canselor Universiti Malaysia (UM), **Prof. Tan Sri Dr. Mohd. Amin Jalaludin** berkata, pihaknya sedang giat menjalankan sesi penerangan mengenai bahaya kumpulan penganas itu dari semasa ke semasa.

"Dalam *Minggu Haluansiswa* baru-baru ini, pihak pengurusan mengambil inisiatif menganjurkan Taklimat Ancaman Keselamatan Negara anjuran bersama Majlis Keselamatan Negara bagi memberikan pendedahan mengenai bahayanya kegiatan militan Daesh kepada pelajar baru.

"Bahagian Hal Ehwal Pelajar juga memantau akaun sosial pelajar dan nama-nama yang disyaki terlibat dalam kegiatan militan Daesh akan diserahkan kepada Unit Anti Keganasan Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman untuk tindakan lanjut," katanya.